

10 JUL 2001

Pelajar-Sokong

PERSATUAN PJJ SOKONG TAHAN PELAJAR YANG ANCAM KESELAMATAN

KOTA BAHARU, 10 Julai (Bernama) -- Persatuan Pelajar Jarak Jauh (PJJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) menyokong penangkapan mana-mana pelajar yang didapati cuba mengancam keselamatan negara.

Naib Presiden persatuan itu Adib Ibrahim berkata tiada sebab para pelajar yang melakukan perbuatan itu tidak boleh diambil tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Pelajar harus ingat mereka juga tertakluk kepada undang-undang negara dan tindakan sedemikian (mengancam keselamatan negara) akan memusnahkan masa depan mereka juga," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan polis menahan dua aktivis pelajar mengikut ISA baru-baru ini -- Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya Mohamed Fuad Mohamad Ikhwan, 22 dan penuntut Institut Kemahiran Mara (IKM) Khairul Anuar Ahmad Zainuddin, 24.

Adib berkata tindakan pelajar yang cenderung menentang kerajaan kini semakin serius dan perlu dibendung segera.

"Persatuan sangat kesal ada segelintir pelajar institusi pengajian tinggi kini tidak lagi berjaya membentuk diri mereka sebagai pelajar yang cemerlang dan ini akan merugikan negara pada masa depan," katanya.

Menurut Adib persatuan itu turut memantau kegiatan pelajar PJJ di seluruh negara supaya tidak melakukan kegiatan yang salah di sisi undang-undang.

Persatuan tidak akan membantu mana-mana anggotanya yang didapati terbabit dalam kegiatan seumpama itu, tegas beliau.

Persatuan itu juga bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa mana-mana pelajar yang didapati terbabit menentang kerajaan patut disingkir daripada universiti.

-- BERNAMA

ZI RON